



MAHKAMAH KUALA LUMPUR
Court of Kuala Lumpur

KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR
Kuala Lumpur Courts Complex
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50506 KUALA LUMPUR

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my/kl>

Telefon : 03-6209 4000

Emel : Penadbirankmkl@kehakiman.gov.my

OPERASI MAHKAMAH KUALA LUMPUR SEPANJANG TEMPOH 'TOTAL LOCKDOWN' FASA PERTAMA BERKUAT KUASA 1 JUN 2021

YBhg. Datin/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg Datin/Tuan/Puan sedia maklum, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia, melalui kenyataan media Pejabat Perdana Menteri bertarikh 28 Mei 2021, telah mengumumkan pelaksanaan 'Total Lockdown' Fasa Pertama di seluruh Negara berkuat kuasa 1 Jun 2021.

3. Sehubungan dengan itu, adalah saya diarahkan untuk memaklumkan bahawa pengendalian kes-kes jenayah dan sivil di Mahkamah Kuala Lumpur adalah berpandukan kepada arahan-arahan yang dikeluarkan oleh YBrs. Tuan Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia melalui emel bertarikh 29.5.2021 iaitu:

(a) Perbicaraan / Pendengaran Kes Sivil dan Jenayah

- (i) Semua perbicaraan / pendengaran kes sivil dan jenayah yang telah ditetapkan secara kehadiran fizikal di Mahkamah adalah ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan / pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian melalui sistem EFS / emel;
- (ii) Bagi kes-kes sivil, pendengaran kes adalah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 Pengendalian Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia ([dilampirkan](#)). Pengendalian prosiding melalui kaedah hibrid adalah tidak dibenarkan dan perenggan 6, 9 dan 14 AA KHN 1/2021 adalah tidak terpakai; dan

(iii) Dengan mengambil kira tempoh pelaksanaan ‘*Total Lockdown*’ Fasa Pertama ini, sekiranya pihak YBhg. Datin/ Tuan/Puan mempunyai kesukaran dalam meneruskan perbicaraan dan dikhuatiri akan menjejaskan hak pihak-pihak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil melalui teknologi komunikasi jarak jauh, pihak YBhg. Datin/ Tuan/Puan boleh memohon untuk menangguhkan kes.

(b) Pemfailan Kes Sivil dan Jenayah

Pemfailan kes-kes sivil dan jenayah baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen dilaksanakan seperti biasa melalui sistem aplikasi Mahkamah;

(c) Pengurusan Kes Sivil dan Jenayah

Pengurusan kes sivil dan jenayah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;

(d) Pertuduhan Baharu, Permohonan Perintah Reman dan Permohonan Jenayah Pelbagai

Semua pertuduhan baharu, permohonan perintah reman dan permohonan perintah jenayah pelbagai dijalankan melalui kehadiran secara fizikal di Mahkamah;

(e) Perakuan Segera/ Permohonan Segera Bagi Kes-Kes Sivil dan Jenayah

Pihak-pihak boleh memfailkan perakuan segera/ permohonan segera bagi kes-kes sivil dan jenayah sekiranya perlu dan Mahkamah akan memberikan arahan lanjut kepada pihak-pihak berhubung dengan perkara tersebut; dan

(f) Permohonan Jenayah Yang Perlu Dijalankan Melalui Kehadiran Secara Fizikal Di Mahkamah Atasan

Bagi permohonan jenayah yang perlu dijalankan melalui kehadiran secara fizikal di Mahkamah Atasan atas sebab-sebab yang khas dan dalam keadaan tertentu (*exceptional circumstances*), Mahkamah akan menggunakan budi bicara dalam mempertimbangkan permohonan tersebut.

4. Seterusnya dimaklumkan bahawa semua kaunter pendaftaran Mahkamah Kuala Lumpur adalah **ditutup** untuk semua urusan samada secara kehadiran biasa (*walk-in*) ataupun secara temujanji sehingga ke satu tarikh yang akan diumumkan kelak.

5. YBhg. Datin/Tuan/Puan boleh berhubung dengan pegawai penyelia bahagian ([Lampiran 1](#)) atau pegawai dan kakitangan Mahkamah masing-masing ([Lampiran 2A](#), [2B](#) DAN [2C](#)) jika memerlukan sebarang pertanyaan atau penjelasan berkenaan kes ataupun pemfailan dokumen.

6. Mengambil kira kemungkinan berlaku kesukaran untuk menghubungi pegawai dan kakitangan Mahkamah kerana mereka sentiasa, dari semasa ke semasa, mengendalikan pendengaran kes secara atas talian, YBhg Datin/Tuan/Puan amatlah digalakkan untuk berhubung melalui platform emel rasmi Mahkamah mengikut Mahkamah dan Bahagian masing-masing ([Lampiran 3](#)).

7. Akhir sekali dimaklumkan bahawa makluman mengenai operasi Mahkamah melalui emel terdahulu bertarikh 6.5.2021, 25.5.2021 dan 27.5.2021 tidak lagi terpakai sepanjang tempoh 'Total Lockdown' Fasa Pertama ini.

8. Perhatian dan kerjasama Tuan/ Puan dalam perkara di atas amatlah dihargai.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

t.t

(AHMAD KAMAR BIN JAMALUDIN)

Pengarah

Mahkamah Kuala Lumpur